

Perkembangan Aliran *al-Ra'yi* dan *al-Hadīth* Serta Usaha Pembentukan Mazhab Fiqh Kontemporari

The Development of al-Ra'yi and al-Hadīth and the Establishment of Contemporary Fiqh Madhhab

Ikmal Adnan¹, Mukhlis Mustaffa² & Ismail Abd Halim³

¹ (Corresponding Author) Department Al-Quran & Hadis, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, e-mail: ikmal.adnan@kias.edu.my

² Department Al-Quran & Hadis, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, e-mail: ahmadmukhlismutaffa@gmail.com

³ Department Al-Quran & Hadis, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, e-mail: khadimulquran@yahoo.com

ABSTRAK

Aliran *al-Ra'yi* dan *al-Hadīth* memainkan peranan utama dalam pembentukan mazhab fiqh dalam kalangan umat Islam di peringkat awal. Pada masa kini dengan wujudnya isu-isu kontemporari dalam fiqh, timbul persoalan adakah kemungkinan dan kewajaran munculnya mazhab fiqh yang baharu berlandaskan Ahli Sunnah wal al-Jamā'ah. Dalam sejarah agama Islam, wujudnya kepelbagaian mazhab yang menjadi panduan kepada manusia dalam perkara cabang atau dikenali sebagai *furū'iyah* adalah bertitik tolak melalui proses perkembangan pemikiran dan peranan aliran dalam kalangan ulama berdasarkan aliran *al-Ra'yi* dan *al-Hadīth*. Objektif penulisan artikel ini adalah mengenalpasti sejarah pembentukan mazhab-mazhab utama dalam fiqh Islam seperti Mazhab Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali. Berdasarkan perkembangan aliran *al-Ra'yi* dan *al-Hadīth*, artikel ini turut mengenal pasti sejarah punca kelahiran mazhab di peringkat awal dan seterusnya menganalisis kewajaran dan kemungkinan pembentukan mazhab fiqh yang baharu pada masa kini. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan merujuk kepada sumber dokumentasi sama ada oleh ulama terdahulu dan kontemporari bagi menjelaskan dan menghurai tentang perkembangan aliran utama dalam Islam terhadap pembentukan mazhab. Hasil kajian dapat merumuskan bahawa pembentukan satu mazhab dan ijtihad fiqh yang baharu pada masa kini dan diiktiraf dalam kelompok Ahli Sunnah wa al-Jama'ah adalah suatu perkara yang tidak mustahil dan boleh berlaku sekiranya asas-asas dan proses ijtihad serta syarat-syarat Mujtahid dipenuhi.

Kata Kunci: Aliran *al-Ra'yi*; Aliran *al-Hadīth*; Mazhab fiqh; Ikhtilaf

ABSTRACT

The thoughts of al-Ra'yi and al-Hadith played a major role in the formation of the madhhab in fiqh among Muslims at an early stage. Nowadays with the existence of

contemporary issues in fiqh, the question arises as to whether the possibility and justification of the emergence of a new madhhab of fiqh based on Ahli Sunnah wal al-Jamā'ah. In the history of Islam, the existence of a variety of madhhab that guide mankind in matters of branch or known as Furū'iyah is the starting point through the process of development of thought and the role of the stream among scholars based on the thoughts of al-ra'yi and al-ra'yi. The objective of writing this article is to identify the history of the formation of major schools in Islamic jurisprudence such as the Hanafi, Maliki, Syafi'i and Hanbali madhhab. Based on the role of the thoughts of al-ra'yi and al-Hadith, this article also identifies the history of the origin of the madhhab emergence at an early stage and further analyzes the appropriateness and possibility of the formation of a new madhhab of fiqh today. This study is a qualitative study that refers to the reliable source of documentation either from earlier and contemporary scholars to explain and elaborate on Islam development mainstream towards the formation of madhhab. The results of the study can conclude that the formation of a new madhhab and concept of ijihad for jurisprudence and the recognition in Ahli Sunnah wa al-Jama'ah group is a matter that is not impossible and can happen if the basic and process of ijihad and the conditions of Mujtahid are met.

Keywords: *Al-Ra'yi; Al-Hadīth; Madhhab of Fiqh; Concept of Ikhtilaf*

1. Pendahuluan

Agama Islam adalah sebuah agama yang syumul dan menyeluruh sesuai dengan kedudukannya sebagai agama yang sempurna dan diredai oleh Allah SWT. Firman Allah SWT:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا

Terjemahan: “Pada hari ini Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu dan Aku telah reda Islam itu menjadi agama untuk kamu” (al-Maidah, 5:3).

Selain itu ia merupakan sebuah agama yang sangat mengerti sikap dan peribadi manusia sebagai makhluk yang sentiasa berkembang dan mencipta perubahan dalam setiap segi kehidupan. Ini kerana wujudnya kecerdasan akal yang menjadikan manusia sebagai makhluk yang istimewa di atas muka bumi. Perkembangan ideologi dan pandangan dalam kehidupan beragama merupakan satu perkembangan yang menarik untuk diterokai dan dikaji. Dalam sejarah agama Islam, wujudnya kepelbagaian mazhab yang menjadi panduan kepada manusia dalam perkara cabang atau dikenali sebagai *furū'iyah* adalah bertitik tolak melalui proses perkembangan pemikiran dan peranan aliran dalam kalangan ulama berdasarkan aliran *al-Ra'yi* dan *al-Hadīth*.

Dalam penulisan ini, penulis akan membahaskan beberapa perkara yang merujuk kepada perkembangan aliran *al-Ra'yi* dan *al-Hadīth* dalam perkembangan ilmu khususnya berkaitan fiqh sehingga terhasilnya kepelbagaian mazhab-mazhab fiqh yang wujud dalam kalangan masyarakat Islam pada hari ini. Penulis akan cuba menghuraikan berkaitan sejarah pembentukan mazhab utama yang menjadi ikutan dalam masyarakat Islam seperti Mazhab Hanafi, Mazhab Maliki, Mazhab Syafi'i dan Mazhab Hanbali dalam konteks pembentukan dan pembinaannya. Fokus diberikan kepada empat mazhab yang utama yang diiktiraf dan diamalkan oleh seluruh umat Islam di dunia.

Selain itu, penulis juga akan menganalisis punca dan faktor lahirnya mazhab-mazhab empat yang utama sebagaimana yang dinyatakan di atas. Ini kerana, kefahaman terhadap sebab kelahiran dan kemunculan mazhab-mazhab ini perlu difahami dengan baik agar isu-isu berkaitan perselisihan dan salah faham dalam kalangan pengikut mazhab dapat diselesaikan dengan baik. Di negara Malaysia khususnya, perselisihan dan salah faham terhadap perbezaan fiqh bukan hanya berlaku dalam kalangan masyarakat awam, namun ia turut melibatkan individu yang dianggap agamawan oleh masyarakat. Antara contoh perselisihan dan salah faham yang berlaku adalah berkaitan bacaan qunut solat subuh, bilangan rakaat solat tarawih dan lain-lain.

Terdapat beberapa kajian dan penulisan telah dilaksanakan oleh tokoh terkemuka umat Islam yang mempunyai kaitan tentang sejarah serta perkembangan aliran *al-Ra'yi* dan *al-Hadīth* dalam pembentukan mazhab sama ada dalam bentuk risalah dan artikel, perbahasan secara tidak langsung mahu pun dalam bentuk sebuah buku. Antaranya ialah *Tārīkh Mazāhib al-Islāmiyyah* oleh Muhammad Abu Zahrah, *Muhādarah fī Tārīkh al-Fiqh al-Islām* oleh Yusuf al-Sayid Syalabiy, *Al-Madrasah al-Fiqhiyyah lī al-Muhaddisin* oleh Abd al-Majid Mahmud, *al-Tasyrī' al-Islāmī Masadiruhu wa al-Tatawwuruhū* oleh Muhammad Isma'il Sya'ban, *Al-Madkhal li al-Fiqh al-Islāmiy Tārīkhuhu wa Masādiruhu wa Nazrīyatuhu al-‘Āmmah* oleh Muhammad Salam Madkur dan lain-lain.

Selain itu terdapat juga karya-karya oleh sarjana Islam tempatan seperti *Sejarah Pembinaan Hukum Islam* oleh Mahmood Zuhdi, *Ikhtisar sejarah perundangan Islam* oleh Haji Hassan Mansor, *Perbahasan Sejarah Perundangan Islam dan Mazhab Fiqh* oleh Ab. Latif Muda dan artikel yang pelbagai berkisar tentang sejarah dan perkembangan khususnya dalam membentuk mazhab-mazhab yang utama dalam konteks Ahli Sunnah wa al-Jama'ah. Karya-karya tersebut tidak membicarakan berkaitan pengaruh aliran *al-Ra'yi* dan *al-Hadīth* terhadap pembentukan suatu mazhab atau ijtihad fiqh yang baharu pada masa kini dalam kepelbagaian hukum fiqh secara umum, sebaliknya ia berkisar tentang sejarah tentang mazhab, fakta dan kaedah umum dalam konsep ikhtilaf.

Justeru, objektif utama daripada artikel ini membincangkan persoalan kemungkinan terbentuknya suatu mazhab dan ijtihad fiqh yang baharu pada masa kini berdasarkan perkembangan sejarah dan hujah melalui proses serta faktor pembentukan mazhab yang berlaku pada peringkat awal kemunculan. Selain itu di akhir penulisan, topik-topik perbincangan berkaitan akan dirumuskan agar dapat difahami dengan tuntas serta menunjukkan pendapat dan pandangan hasil analisis oleh penulis.

2. Metodologi Kajian

Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini ialah kualitatif bertemakan kajian kepustakaan. Data-data dikumpulkan daripada bahan-bahan yang terdapat di dalam perpustakaan berbentuk pelbagai dokumen yang terpilih. Ia merupakan suatu proses yang dilakukan bagi mengumpulkan data dan maklumat yang mempunyai kaitan dengan topik dan persoalan kajian. Sumber data yang diperolehi adalah sama ada dalam bentuk bertulis seperti tesis, buku, artikel jurnal, kertas prosiding dan lain-lain cetakan bertulis. Metode ini diaplikasikan oleh penulis dalam membentuk kerangka teori terhadap perkembangan aliran *al-Ra'yi* dan *al-Hadīth* serta pembentukan mazhab fiqh dan punca kelahiran mazhab fiqh yang utama.

3. Dapatan Kajian

Berdasarkan penelitian terhadap faktor kelahiran dan pembentukan mazhab-mazhab fiqh silam yang merangkumi kelompok mazhab Ahli Sunnah wa al-Jama'ah, penulis berpandangan bahawa pembentukan satu mazhab dan ijtihad fiqh yang baharu pada masa kini dan diiktiraf dalam kelompok Ahli Sunnah wa al-Jama'ah adalah suatu perkara yang tidak mustahil dan boleh berlaku sekiranya asas-asas dan proses ijtihad serta syarat-syarat Muftahid dipenuhi. Tambahan pada masa kini, terdapat banyak isu-isu baharu dan kontemporer yang berlaku dalam kalangan masyarakat dan memerlukan proses ijtihad daripada ulama-ulama khususnya dalam kalangan mufti kerana mereka lebih memahami *waqi'* dan suasana setempat. Isu-isu kontemporer tersebut memaksa para ulama untuk melaksanakan proses kajian dan penyelidikan serta berijtihad dalam mengeluarkan sesuatu hukum.

Pengiktirafan terhadap kemunculan mazhab dan ijtihad yang baharu juga boleh berlaku sekiranya masyarakat Islam mampu untuk memahami konsep ikhtilaf dan taklid yang sebenar mengikut panduan dan kefahaman Ahli Sunnah wa al-Jama'ah. Realiti pada masa kini, masih berlaku salah faham dalam konsep ikhtilaf sehingga ada yang menuduh sesat, *takfir* dan sebagainya. Lebih parah, perkara ini juga berlaku dalam kelompok agamawan yang menjadi rujukan dan perhatian masyarakat. Disebabkan itu, antara penghalang utama dalam menyekat kebarangkalian ini selain salah faham terhadap konsep

ikhtilaf dan taklid adalah sikap melampau dan ketaksuban terhadap sesuatu kelompok tertentu.

Zaman kini adalah merupakan zaman kebangkitan dengan terhapusnya sikap fanatik dalam kalangan pengikut mazhab, berubahnya cara proses pembelajaran dan lahirnya bentuk penulisan yang baharu dalam fiqh dan undang-undang (Mahmood Zuhdi, 2004). Namun sejauhmana hilangnya sikap melampau dalam mazhab khususnya di negara Malaysia terhadap masyarakat awam dan agamawan perlu diperhalusi, dikaji dan diteliti.

4. Sejarah Pembentukan Mazhab-Mazhab Utama dalam Fiqh Islam

Pada peringkat permulaan, ilmu fiqh telah dipelajari secara tidak rasmi melalui pentafsiran al-Quran dan pengajian al-Sunnah dalam kalangan para sahabat, *Tābi'īn* dan *Tābi' al-Tābi'īn*. Ini kerana kedua-dua sumber tersebut telah terangkum di dalamnya pelbagai aspek berkaitan akidah, fiqh, akhlak dan lain-lain perkara yang melibatkan halal dan haram (Mansor, 1968). Pada waktu tersebut, tidak banyak bentuk penulisan yang terhasil selain catatan bersifat peribadi yang terkandung di dalamnya hukum-hakam berserta dalil sama ada daripada al-Quran dan al-Sunnah. Segala maklumat yang diperolehi berkaitan pandangan ulama serta teori dalam pengeluaran hukum akan dicatat di dalam lembaran-lembaran (al-Asyqar, 1982). Secara umum para peringkat permulaan, para penuntut ilmu terdedah dengan amalan ijtihad dan teori istinbat yang dikemukakan oleh guru-guru mereka.

4.1 Kelahiran Aliran al-Ra'yi

Aliran *al-Ra'yi* dan *al-Hadīth* merupakan dua aliran pemikiran utama yang muncul pada zaman *Tābi'īn* dan merupakan tempoh masa kepada proses perkembangan antara ijtihad zaman sahabat dan ijtihad zaman imam-imam mazhab yang utama (Syarifudin, 2014). Kedua-dua aliran pemikiran tersebut berkembang dengan pantas seiring perkembangan dunia Islam yang semakin maju dan meluas dari sudut perkembangan ilmu pengetahuan pada waktu tersebut. Menurut Nasution (1985), perkembangan Islam terbahagi kepada dua zaman. Yang pertama adalah zaman klasik yang merujuk kepada zaman kemajuan Islam dan zaman pertengahan yang merujuk kepada zaman kemunduran Islam.

Perkembangan dalam ilmu pengetahuan dan falsafah yang bertitik tolak pada zaman Abbasiyah melalui pemerintahan khalifah al-Mansur (w. 775M) menjadi asas kepada permulaan perkembangan aliran *al-Ra'yi*. Pada masa ini, wujudnya usaha untuk menterjemahkan dan menyebarkan kepelbagaian ilmu pengetahuan dan falsafah. Menurut Nasruddin Yusuf (2016), usaha tersebut akhirnya mencapai kemuncaknya pada zaman pemerintahan khalifah Harun al-Rasyid (w. 809M) dan al-Makmun (w. 833M).

Proses penterjemahan dan pengembangan ilmu pengetahuan melalui falsafah telah memberi kesan kepada cara berfikir masyarakat Islam pada masa tersebut. Pemikiran tersebut berkembang bukan hanya melalui pola pemikiran, akan tetapi ditulis di dalam penulisan-penulisan yang membawa kepada aliran-aliran dan mazhab-mazhab dalam ideologi dan akidah. Menurut Nasruddin Yusuf (2016), kesan daripada pola pemikiran inilah yang membentuk ideologi-ideologi dalam akidah seperti munculnya Muktazilah, Khawarij, Syiah dan lain-lain.

Selain pengaruh pola pemikiran aliran *al-Ra'yi* dalam perkembangan akidah, ia turut berkembang melalui cabang hukum Islam dalam perkara *furu'iyah*. Hasilnya wujud aliran *al-Ra'yi* dalam perkembangan ilmu fiqh yang secara khusus muncul di Iraq melalui peranan yang di bawa oleh Imam Abu Hanifah (w. 150H).

4.2 Kelahiran Aliran *al-Hadīth*

Selain aliran *al-Ra'yi* yang mengalami perkembangan melalui perluasan ilmu pengetahuan yang melibatkan pengaruh-pengaruh perluasan pemerintahan dan politik dalam Islam, terdapat juga pemikiran aliran *al-Hadīth* yang berkembang di Madinah. Imam al-Syafi'i menggambarkan kedua aliran utama dalam perkembangan fiqh ini sebagai *Ahl al-Hadīth* dan *Ahl al-Qiyās*. Menurut Ahmad Amin (2005), kedua aliran ini muncul pada akhir pemerintahan Umayyah dan awal pemerintahan Abbasiyyah. Aliran *al-Hadīth* secara khususnya dipelopori dalam kalangan ulama Hijaz melalui peranan yang dibawa oleh Imam Malik bin Anas (w. 179H).

Kendatipun begitu, menurut Shiddieqy (1997), peranan pertama dalam aliran *al-Hadīth* sebenarnya dibawa lebih awal oleh Sa'id Ibn Musayyab (w. 93H) yang merupakan salah seorang daripada *Fuqahā' al-Sab'ah* di Madinah dan merupakan antara *Kibār al-Tābi'in* yang masyhur. Manakala peranan pertama dalam aliran *al-Ra'yi* adalah melalui Ibrahim Ibn Yazid ibn Qais al-Nakha'i (w. 96H).

4.3 Pembentukan Mazhab-Mazhab

Bertitik tolak daripada dua aliran pemikiran yang utama sebagaimana yang dijelaskan iaitu aliran *al-Ra'yi* dan *al-Hadīth*, muncul pula pelbagai mazhab dalam perkembangan fiqh di dalam Islam. Melalui aliran *al-Ra'yi*, munculnya mazhab yang dikenali sebagai Mazhab Hanafi yang dipelopori oleh Imam Abu Hanifah Nu'man bin Thabit. Manakala melalui aliran *al-Hadīth*, munculnya mazhab Maliki yang dipelopori oleh Imam Malik bin Anas, mazhab Syafi'i yang dipelopori oleh Imam Muhammad bin Idris al-Syafi'i dan mazhab Hanbali yang dipelopori oleh Imam Ahmad bin Hanbal.

Pembentukan mazhab-mazhab yang pelbagai adalah merupakan kesan daripada perkembangan ilmu fiqh itu sendiri. Perkara yang menjadi asas perbincangan dalam kalangan guru dan penuntut ilmu adalah terhadap isu-isu cabang atau *furū'iyah* yang tidak mempunyai dalil yang jelas dan masalah yang bersifat umum. Pada peringkat awal perkembangan Islam, para ulama melarang daripada bertaklid pada setiap perkara. Bahkan mereka menggalakkan untuk melakukan amalan yang berasaskan dalil dan hujah yang telah dibincangkan oleh para ulama (al-Asyqar, 1982).

Selain itu, penulisan-penulisan yang membicarakan berkaitan fiqh juga memainkan peranan besar dalam pembentukan mazhab. Para ulama di abad kedua dan ketiga hijrah telah mula menyusun dan memperkenalkan metodologi tersendiri dalam mengeluarkan sesuatu hukum. Dalam penulisan ilmiah ini, ia terbahagi kepada dua kategori utama. Yang pertama adalah penulisan fiqh yang mempunyai skop dan ruang yang tertentu seperti; *Fiqh al-Quran wa al-Sunnah*, *Fiqh al-Sahabah wa al-Tābi'in* serta *Fiqh Imam-imam Mujtahid*. Manakala kategori kedua adalah penulisan hadith (Madkur, 1996). Bagi penulisan fiqh, ia turut disertakan dengan hujah sama ada daripada al-Quran, al-Sunnah, *Āthār* Sahabat dan pandangan-pandangan *Tābi'in*. Antara penulisan fiqh melalui kaedah ini adalah; *Al-Muwatta'* oleh Imam Malik, *al-Jāmi' al-Kabīr* oleh Sufyan al-Thawri dan *al-Ikhtilāf al-Hadīth* oleh Imam al-Syafi'i.

4.3.1 Definisi Mazhab

Perkataan mazhab adalah merupakan perkataan dalam bahasa Arab yang bermaksud sesuatu yang dituju atau dijadikan pegangan. Manakala mazhab-mazhab fiqh bermaksud segala hukum yang dipegang oleh pengikutnya, diamalkan dan dijadikan fatwa. Setiap mazhab boleh dianggap sebagai sebuah institusi pengajian agama dan hukum syariat (al-Khawjah, 1990).

Melalui perkembangan ilmu yang berlaku selepas zaman sahabat RA, telah muncul pelbagai mazhab kesan berlakunya ikhtilaf dalam masalah fiqh. Kemunculan mazhab yang masyhur tersebut dapat dikategorikan kepada tiga kategori. Pertama adalah Mazhab Sunni yang masih kekal. Ia merujuk kepada Mazhab Hanafi, Mazhab Maliki, Mazhab Syafi'i dan Mazhab Hanbali. Kategori yang kedua adalah Mazhab Sunni yang telah lenyap. Ia merujuk kepada Mazhab al-Zahiri, Mazhab al-Thawri, Mazhab al-Laith Ibn Sa'd dan Mazhab al-Auza'i. Manakala kategori ketiga adalah Mazhab Syiah yang terdapat beberapa pecahan seperti Mazhab Zaidiyah, Mazhab Ja'fariyah dan Mazhab Isma'iliyyah.

Bagi membicarakan lebih lanjut berkaitan pembinaan dan pembentukan mazhab yang disenaraikan di atas, penulis hanya memilih mazhab-mazhab Ahli Sunnah wa al-Jama'ah yang masih kekal wujud pada hari ini.

4.3.2 Sejarah Pembentukan Mazhab Hanafi

Mazhab Hanafi boleh dianggap sebagai mazhab yang paling awal dilahirkan. Ia berkembang di Iraq dan diasaskan oleh Imam Abu Hanifah iaitu al-Nu'man Ibn Thabit al-Taimi al-Kufi (m. 150H), kemudian dikembangkan oleh sebahagian pelajar-pelajar Imam Abu Hanifah. Antara individu yang terkenal mengembangkan mazhab ini seperti Abu Yusuf Ya'kub bin Ibrahim bin Habib al-Ansori (m. 182H), Zufar Ibn al-Huzail Ibn Qais al-Kufi (m.158H), Muhammad Ibn al-Hasan al-Syaibani (m. 189H) dan al-Hasan Ibn Ziyad al-Lu'lu'i al-Kufi (m.204H).

Merujuk kepada terbinanya mazhab Hanafi, Imam Abu Hanifah hakikatnya tidak menulis karya berkaitan ilmu fiqh. Namun beliau ada menulis risalah di dalam ilmu kalam dan dakwah. Antara risalah yang ditulis oleh beliau ialah *al-Fiqh al-Akbar*, *al-'Ālim wa al-Muta'allim* dan risalah yang ditulis kepada Uthman al-Bitti berkaitan menolak pandangan isu Qadariyah.

Walaupun begitu, para pelajar beliau telah menulis segala pendapat dan riwayat yang beliau nyatakan. Abu Yusuf telah menulis pandangan, pendapat dan riwayat Abu Hanifah ke dalam kitab. Antara karya tersebut adalah Kitab *al-Āthār*, *Ikhtilāf Baina Abī Hanifah Wa Ibnī Abī Laila*, *Al-Radd 'alā Siyar al-Auzā'i* dan *al-Kharaj*. Selain Abu Yusuf, Muhammad Ibn al-Hasan juga telah menulis karya yang dianggap sebagai rujukan Utama di dalam mazhab Hanafi. Beliau telah menghasilkan karya yang dikenali sebagai *Zāhir al-Riwāyah* yang merujuk kepada enam buah kitab lain. Zufar al-Kufi terkenal sebagai seorang yang mempunyai kemahiran Qiyas yang tinggi. Selain itu al-Hasan Ibn Ziyad juga merupakan murid yang memberi kesan dan pengaruh kepada pengembangan mazhab Imam Abu Hanifah.

Melalui empat pelajar dan tokoh yang disebutkan tadi, mereka telah menjadikan mazhab dan pendapat Imam Abu Hanifah terus berkembang dan tersebar luas pada peringkat awal. Mereka bukan sahaja menyampaikan pandangan Imam Abu Hanifah tetapi juga menjelaskan asas ijtihad dan pemikiran imam Abu Hanifah berkaitan hukum. Usaha yang dilakukan oleh tokoh-tokoh ini diteruskan dan disambung oleh generasi yang berikutnya. Perkembangan mazhab Abu Hanifah juga dibantu oleh situasi yang berlaku pada zamannya. Mazhab ini telah tersebar luas ke daerah yang mempunyai pelbagai bentuk adat dan kebiasaan. Bahkan ia telah menjadi mazhab rasmi Kerajaan Abbasiyah selama 500 tahun (Mahmood Zuhdi, 2004).

4.3.3 Sejarah Pembentukan Mazhab Maliki

Di Madinah terdapat kumpulan lain yang turut mengadakan dan menganjurkan majlis-majlis ilmu di Masjid al-Nabawi yang diketuai oleh Imam Malik bin Anas bin Malik bin 'Amir (m. 179H). Sambutan dan perkembangan yang di

alami oleh majlis ilmu ini membentuk satu mazhab Ahli *al-Hadīth* yang dikenali sebagai Mazhab Maliki.

Walaupun Imam Malik tidak pernah keluar daripada bumi Madinah kecuali untuk menunaikan haji namun beliau mempunyai ramai pelajar. Para pelajar inilah yang bertanggungjawab menyebarkan Mazhab Maliki ke seluruh negara Islam pada ketika itu. Antara pelajar Imam Malik yang terkenal dan merupakan penyumbang utama dalam membina Mazhab Maliki ini adalah Abdul Rahman Ibn al-Qasim dan Asad Ibn al-Furat.

Abdul Rahman telah mempelajari ilmu dengan Imam Malik selama 20 tahun dan beliau merupakan tokoh yang terbilang dalam Mazhab Maliki. Menurut Imam Malik, Abdul Rahman merupakan pelajarnya yang terbaik dan sangat dibanggakan. Peranan dan sumbangan Abdul Rahman bagi mengembangkan Mazhab Maliki adalah sangat besar. Melalui beliau, pandangan Imam Malik diterima oleh Asad Ibn al-Furat yang kemudiannya telah menulis sebuah kitab yang dinamakan *al-Mudawwanah*. Melalui Asad ini, pandangan Imam Malik berpindah kepada Sahnun dan terhasilnya sebuah kitab yang juga dinamakan sebagai *al-Mudawwanah* (Mahmood Zuhdi, 2004). Seterusnya, pengembangan pendapat-pendapat diteruskan oleh generasi kemudian yang tidak pernah putus sehinggalah mazhab ini kekal pada masa kini.

4.3.4 Sejarah Pembentukan Mazhab Syafi'i

Mazhab Syafi'i diasaskan oleh Muhammad Bin Idris al-Syafi'i, beliau berasal dari keturunan Quraisy, dilahirkan di Gaza Palestin pada tahun 150 Hijrah. Berbeza dengan Imam Abu Hanifah dan Imam Malik, Imam al-Syafi'i merancang dengan sendiri penubuhan mazhabnya. Sekiranya diteliti dengan lebih terperinci perpindahan beliau ke bumi Mesir merupakan satu perancangan bagi mengembangkan mazhab beliau. Ini kerana Mesir merupakan negara yang masih belum dipengaruhi oleh mazhab yang lain sebagaimana Hijaz yang telah berkembang di sana Mazhab Maliki dan Iraq yang telah berkembang di sana mazhab Hanafi (Abu Zahrah, 1978).

Dengan keyakinan dan kepintaran Imam al-Syafi'i sudah pasti berhak untuk beliau merancang dalam menubuhkan dan mengembangkan mazhabnya. Keilmuan beliau tentang kaedah dalam Mazhab Maliki dan Mazhab Hanafi telah menambahkan lagi keyakinannya untuk mengembangkan mazhabnya yang tersendiri. Dalam melakukan proses pembentukan mazhab ini, ia berlaku dalam dua peringkat yang utama. Peringkat pertama adalah dalam bentuk perencanaan kitab beliau di Iraq. Manakala peringkat kedua bermula pada tahun 199 Hijrah apabila beliau melakukan perjalanan ke Mesir. Pada peringkat yang kedua ini, Imam al-Syafi'i telah melakukan semakan semula kitab-kitab yang telah direncanakan oleh beliau di Iraq dan mengemaskini serta mengubah beberapa ijtihad dan pandangan asalnya dalam kitab tersebut. Pada

peringkat ini juga beliau telah melengkapkan segala perkara yang belum diselesaikan pada peringkat yang pertama. Individu yang memainkan peranan dalam menulis pandangan Imam al-Syafi'i dalam peringkat yang kedua ini adalah al-Rabi' bin Sulaiman al-Muradi (m. 270H).

Berdasarkan dua peringkat sebagaimana yang diceritakan di atas, maka Mazhab Syafi'i sememangnya terkenal dengan dua pandangan iaitu *Qaul Qadīm* dan *Qaul Jadīd*. Perkara ini secara tidak langsung telah membantu mazhab ini untuk menjadi lebih berkembang dan menjadi pintu untuk memilih dalam melakukan pentarjihan terhadap pendapat dalam mazhab. Dalam pembentukan Mazhab Syafi'i, ramai dalam kalangan para fuqaha mujtahidin daripada murid Imam al-Syafi'i yang aktif dalam mengembangkan mazhab ini. Hakikatnya, murid kepada Imam al-Syafi'i berada diseluruh pelusuk dunia seperti di Mesir, Iraq, Syam, Mekah, Yaman, Naisabur dan Khurasan. Selain itu, usaha perkembangan mazhab yang dilakukan tidak terlepas daripada dipengaruhi oleh adat dan persekitaran masing-masing. Kesannya terdapat pendirian dan kesimpulan terhadap hukum yang tidak sama walaupun asasnya melalui prinsip yang sama (Mahmood Zuhdi, 2004).

4.3.5 Sejarah Pembentukan Mazhab Hanbali

Mazhab Hanbali diasaskan oleh Abu Abdullah Ahmad bin Hanbal bin Hilal al-Syaibani (m. 241H). Beliau dilahirkan di Baghdad pada tahun 164H. Dalam pembentukan Mazhab Hanbali, ia berlaku dalam proses yang tidak sama seperti apa yang dilakukan oleh Imam al-Syafi'i. Imam Ahmad tidak menulis pendapat dan pandangan beliau di dalam bidang fiqh. Beliau hanya menulis beberapa catatan berkaitan hukum untuk kegunaan peribadi dan bukan untuk disebar dan disalin. Ini kerana Imam Ahmad berpendapat tidak sepatutnya ditulis sesuatu melainkan daripada al-Quran dan al-Sunnah.

Namun begitu, pembentukan Mazhab Hanbali dibantu oleh peranan yang dimainkan murid beliau dalam mewariskan pandangan dan pendapat Imam Ahmad kepada generasi yang mendatang. Peranan ini turut digerakkan dengan aktif oleh anak beliau sendiri iaitu Soleh dan Abdullah. Antara murid yang masyhur meriwayatkan fiqh Imam Ahmad adalah Abu Bakr al-Athram, Abdul Malik Ibn Abd al-Hamid al-Maimuni (m.274), Harb Ibn Ismail al-Handhali (m. 280H) dan Ibrahim Ibn Ishak al-Harabi (m. 185H).

Selepas berlalunya generasi dalam kalangan murid Imam Ahmad, individu yang paling terkenal dalam melakukan penyusunan fiqh Imam Ahmad ialah Abu Bakr al-Khallal (m. 313H). Melalui usaha yang dilakukan oleh beliau, pandangan-pandangan fiqh Imam Ahmad bin Hanbal dapat dibukukan. Disebabkan itu beliau dianggap sebagai individu yang bertanggungjawab menyusun dan mewarisi fiqh Imam Ahmad selepas generasi yang pertama.

Berbeza dengan mazhab-mazhab yang lain, perkembangan Mazhab Hanbali berlaku dengan sangat rancak. Antara sebab ialah sikap para ulama di dalam Mazhab Hanbali terhadap masalah ijtihad. Mereka terus berpendapat bahawa pintu ijtihad sentiasa terbuka dan boleh dilaksanakan oleh mereka yang layak pada bila-bila masa sahaja. Ia adalah berbeza dengan pandangan ulama dalam mazhab-mazhab lain yang berpendapat bahawa pintu ijtihad telah tertutup. Bahkan ulama dalam Mazhab Hanbali berpendapat bahawa mujtahid mutlak merupakan tuntutan fardu kifayah pada setiap zaman (Mahmood Zuhdi, 2004).

Dengan adanya sikap seumpama ini dalam kalangan ulama Mazhab Hanbali, ia membantu mazhab ini berkembang melalui tiga aspek utama. Yang pertama adalah melalui sumber-sumber hukum, yang kedua melalui kegiatan memberi fatwa dan yang ketiga adalah melalui kegiatan pengembangan takhrij (Abu Zahrah, 1947).

5. Punca Kelahiran Mazhab

Perselisihan terhadap sesuatu hukum hakikatnya telah berlaku sejak daripada zaman Rasulullah SAW. Namun, ia berlaku secara jelas apabila Rasulullah SAW wafat. Walaupun begitu, pada peringkat awal zaman sahabat ia tidak terlalu ketara dan hanya berlaku dalam sesuatu perkara yang kecil dan dapat diatasi oleh para sahabat yang utama.

Masyarakat Islam berkembang dengan pantas seiring dengan luasnya jajahan takluk dalam pemerintahan. Dengan tersebar luasnya pengaruh Islam, perselisihan pandangan terhadap sesuatu hukum juga menjadi meluas (Mahmood Zuhdi, 2004). Perselisihan pandangan terhadap hukum ini tercetus di antara ulama-ulama beraliran *al-Hadīth* yang berpusat di Madinah dan ulama-ulama beraliran *al-Ra'yi* yang berpusat di Iraq. Antara contoh perselisihan yang berlaku adalah perbahasan yang membicarakan tentang perundangan Islam antara Rabi'ah ibn Abi Abd al-Rahman dan Ibnu Syihab al-Zuhri. Begitu juga berlakunya perbahasan antara Ibrahim al-Nakha'i dan al-Sya'bi di Kufah (Ab Latif, 2003).

Sehubungan itu dalam topik ini, penulis akan menghuraikan punca dan faktor utama yang menjadi pencetus kelahiran mazhab-mazhab dalam fiqh. Sebagai gambaran umum, penulis berpandangan bahawa punca yang utama dalam proses kelahiran mazhab ini adalah tiga sebagaimana berikut;

- i. Perbezaan dalam penelitian terhadap sumber.
- ii. Perbezaan dalam menerapkan sesuatu hukum.
- iii. Perbezaan dalam penelitian terhadap prinsip bahasa.

5.1 Perbezaan dalam Penelitian Terhadap Sumber

Bagi menjelaskan perkara ini menurut Ab Latif (2003) ia dikategorikan kepada tiga sumber. Yang pertama adalah penerimaan terhadap *Khabar Āhād*, yang kedua penerimaan terhadap fatwa sahabat dan yang ketiga adalah penerimaan terhadap *al-Qiyās*.

Perbezaan terhadap penilaian *Khabar Āhād* dalam menetapkan sesuatu hukum menjadi antara faktor lahirnya mazhab dalam fiqh. Imam Abu Hanifah dan kebanyakan mujtahid di Iraq memberikan persamaan antara kehujahan *Hadīth Masyhūr* dan *Hadīth Mutawātir*. Imam Malik dan kebanyakan mujtahid Madinah menolak *Hadīth Āhād* yang bercanggah dengan fatwa, pendapat dan amalan penduduk Madinah. Manakala Imam al-Syafi'i dan kebanyakan ahli Hadis yang lain berhujah dengan hadis yang diriwayatkan oleh perawi yang adil dan thiqah. Imam Ahmad dan sebahagian mujtahid pula membahagikan *Hadīth Āhād* kepada Sahih, Hasan dan Daif.

Dari sudut penerimaan fatwa sahabat, imam mazhab juga berbeza antara satu sama lain. Imam Abu Hanifah berpegang dengan fatwa para sahabat tanpa diikat dengan sesuatu syarat. Manakala Imam al-Syafi'i beranggapan bahawa fatwa para sahabat adalah bersifat ijtihad, boleh diambil dan juga boleh ditinggalkan.

Manakala dari sudut penilaian terhadap *al-Qiyās*, imam mazhab yang empat sepakat menerima *al-Qiyās* sebagai hujah dan sumber dalam penetapan hukum. Namun perbezaan berlaku dalam sebahagian kecil kelompok yang tidak menerima *al-Qiyās* seperti kelompok bermazhab Syiah dan bermazhab al-Zahiri.

Jadual 1: Asas Sumber Fiqh Mazhab Utama

	Hanafi	Maliki	Al-Syafi'i	Hanbali
1	Al-Kitab	Al-Kitab	Al-Kitab dan al-Sunnah	Al-Kitab dan al-Sunnah
2	Al-Sunnah	Al-Sunnah	Ijmak	Fatwa Para Sahabat
3	Ijmak	Amalan Penduduk Madinah	Pendapat Para Sahabat	Pendapat Para Sahabat yang tidak sekata
4	Pendapat Sahabat	Fatwa Sahabat	Qiyas	Hadis Mursal dan Daif
5	Qiyas	Qiyas, Masolih al-Mursalah dan Istihsan		Qiyas
6	Istihsan	Al-Zara'ie		
7	'Urf			

(Rumusan dibuat berdasarkan Mahmood Zuhdi, (2004), *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*)

Jadual di atas menggambarkan secara umum kepelbagaian sumber dalam melakukan ijtihad fiqh bagi para imam mazhab yang utama. Penulis

merumuskan berdasarkan kategori yang disusun oleh Mahmood Zuhdi (2004) dalam membuat analisis terhadap asas sumber bagi pembentukan hukum yang diaplikasikan oleh Imam Abu Hanifah, Imam Malik bin Anas, Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad bin Hanbal.

5.2 Perbezaan dalam Menerapkan Sesuatu Hukum

Sebagaimana yang diketahui dua aliran utama iaitu aliran *al-Hadīth* dan aliran *al-Ra'yi* memainkan peranan dalam sesuatu perbahasan fiqh. Perbezaan dalam penerapan sesuatu hukum merupakan kecenderungan dalam menggubal sesuatu hukum dan undang-undang tertentu. Dalam kata lain, ia adalah perbezaan dalam mengeluarkan teori sesuatu hukum. Menurut Mahmood Zuhdi (2004), perbezaan dalam bentuk ini merupakan asas pertama terhadap kelahiran mazhab-mazhab fiqh.

Menurut Ab Latif (2003), Ahli Hadis lebih cenderung memberikan tumpuan dalam menghafal hadis-hadis serta fatwa para sahabat. Dengan itu, kecenderungan Ahli Hadis lebih terarah kepada usaha dalam memahami hadis, *Āthār* dan fatwa dalam kalangan sahabat RA. Kemudian mereka menerapkan pemahaman tersebut dalam melakukan ijtihad tentang masalah-masalah yang baharu. Selain itu, Ahli Hadis juga mengambil sikap *tawaqquf* apabila berhadapan dengan nas yang tidak sesuai dan tidak selari dengan pemahaman akal yang sempurna.

Pada sudut yang lain ulama-ulama fiqh mujtahid di Iraq yang dikenali sebagai Ahli *al-Ra'yi*, mereka banyak berpegang dengan pendapat. Mereka memahami dan membuat pemerhatian terhadap maksud *syara'* serta asas yang menjadi landasan kepada pensyariaan sesuatu hukum yang bertujuan untuk mencapai kemaslahatan umat manusia. Dengan itu, segala hukum disandarkan kepada prinsip yang sama dan mempunyai matlamat yang sama. Mereka memahami dalil, menyokong sebahagian dalil terhadap dalil yang lain serta menetapkan hukum bagi masalah yang tiada dalil secara jelas melalui sumber al-Quran dan al-Sunnah (Ab Latif, 2003).

Apabila diteliti dengan lebih mendalam, perbezaan dalam penelitian terhadap sumber di antara Ahli *al-Hadīth* di Hijaz dan Ahli *Al-Ra'yi* di Iraq boleh dikatakan berpunca daripada beberapa faktor lain. Antaranya ialah hadis dan fatwa sahabat yang sampai kepada ulama-ulama di Iraq adalah lebih sedikit berbanding apa yang berlegar-legar di Hijaz. Selain itu keberadaan kelompok syiah dan khawarij di Iraq lebih ramai dan boleh menyebabkan berlaku penyelewengan, fitnah dan pemalsuan terhadap hadis Rasulullah SAW yang akhirnya menjadikan ulama-ulama fiqh di Iraq meletakkan syarat yang ketat dalam penerimaan sesebuah hadis. Suasana sekitar juga memainkan peranan terhadap wujudnya perbezaan antara dua kelompok ini. Di Iraq, masyarakat banyak terpengaruh dengan budaya dan adat kebiasaan Parsi. Ia sangat berbeza dengan Hijaz yang bersih daripada kebudayaan asing.

5.3 Perbezaan dalam Penelitian Terhadap Prinsip Bahasa

Penelitian dan pemahaman yang berlaku melibatkan bahasa juga antara faktor lahirnya mazhab yang pelbagai. Para ulama membahaskan sesuatu hukum secara terperinci berdasarkan nas dan dalil yang dikemukakan. Namun dalam memahami dalil tersebut secara mendalam seperti lafaz *‘Ām*, *Khās* dan *Musytarak* menatijahkan perselisihan dalam kalangan ulama-ulama mujtahid.

Antara bentuk perselisihan bagi sebahagian ulama adalah berkaitan kata perintah (*al-Amr*) adalah menunjukkan kepada perintah wajib atau mewajibkan, kecuali jika terdapat *Qarīnah*. Namun sebahagian ulama yang lain *al-Amr* hanya menunjukkan suatu tuntutan sahaja. Manakala *Qarīnah* yang ada akan menunjukkan sama ada wajib atau selainnya.

Berdasarkan huraian di atas, penulis merumuskan bahawa faktor perbezaan terhadap penilaian sumber, kaedah dalam menetapkan sesuatu hukum dan perbezaan dalam memahami prinsip menjadi faktor utama lahirnya mazhab-mazhab yang pelbagai dalam kelompok Ahli Sunnah wa al-Jama’ah yang berlegar berkaitan masalah fiqh dan cabang (*furū’iyyah*). Selain faktor yang dinyatakan di atas, menurut Mahmood Zuhdi (2004) antara sebab lain lahirnya mazhab adalah wujudnya tokoh dan personaliti yang kuat dalam kalangan ulama-ulama fiqh yang masyhur. Sehingga ramai yang terpengaruh dan mengambil ilmu daripada mereka. Selain itu, lahirnya kelas-kelas pengajian secara formal dan sistematik yang dikendalikan oleh tokoh-tokoh yang masyhur tersebut. Akhirnya ia membawa kepada kesetiaan para murid terhadap guru mereka yang diangkat sebagai tokoh walaupun selepas ketiadaan mereka.

6. Pembentukan Mazhab Fiqh yang Baharu pada Masa Kini

Pembentukan sesebuah mazhab dalam permasalahan terhadap hukum fiqh telah melalui proses yang lama dan tersusun seiring dengan perkembangan perbahasan terhadap ilmu. Hakikatnya, pengeluaran hukum terhadap masalah dalam fiqh adalah bersumberkan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Namun berdasarkan perbincangan yang telah diutarakan sebelum ini, sejarah jelas menunjukkan kepada kita bahawa terdapat juga peranan pelbagai sumber lain dalam penetapan sesuatu hukum muncul selepas kewafatan Rasulullah SAW. Namun perlu difahami bahawa sumber-sumber seperti fatwa sahabat, amalan ahli Madinah, *al-Zara’i*, *Masōlih al-Mursalah* dan lain-lain adalah tidak asing daripada al-Quran dan al-Sunnah itu sendiri. Secara umumnya, ini merupakan ijtihad para imam dalam mengeluarkan sesuatu hukum yang tidak dinyatakan secara jelas dan terperinci sama ada melalui al-Quran dan al-Sunnah.

Mujtahid memainkan peranan utama dalam pembentukan sesuatu hukum. Sehubungan itu, pembentukan fiqh yang baharu adalah tidak mustahil

untuk muncul pada masa kini. Bergantung sejauh mana masyarakat menerima dan menjadikan seseorang mujtahid itu sebagai sumber dalam pengambilan hukum fiqh. Selain itu apabila diteliti berkaitan faktor utama terhadap kelahiran sesebuah mazhab fiqh dan ditambah dengan faktor sampingan yang lain sebagaimana yang telah dijelaskan, maka ia adalah tidak mustahil.

Walau pun ijtihad diharuskan, namun para ulama telah menetapkan syarat-syarat dan kriteria yang khusus bagi melayakkan seseorang itu untuk berijtihad. Perkara inilah yang perlu diteliti dan dijaga dalam memastikan hukum hakam dalam agama Islam tidak tercemar dengan pandangan-pandangan yang salah dan menyeleweng jauh walau pun dalam perkara *furū'iyah*. Dalam bab ini, penulis akan mengupas pengertian mujtahid dan syarat-syaratnya sebagaimana yang telah ditetapkan oleh para ulama.

6.1 Pengertian Ijtihad dan Mujtahid

Merujuk kepada Kamus Dewan Edisi Keempat (2019), perkataan ijtihad bermaksud pendapat, tafsiran, maksud, mengkaji dan memberi tafsiran mengikut fikiran sendiri, berpendapat dan mengira. Para ulama memberikan beberapa definisi yang berbeza dalam menghuraikan pengertian ijtihad. Al-Baidawi memberikan definisi kepada ijtihad sebagai menggunakan segala daya dalam mendapatkan kefahaman terhadap hukum *syara'* (al-Baidawi, 2008). Manakala al-Āmidī memberikan definisi sebagai menggunakan sepenuh daya dalam mengagak sesuatu hukum *syara'* (al-Āmidī, 1982). Al-Subki pula memberikan definisi sebagai berusaha sedaya mungkin bagi menghasilkan andaian tentang sesuatu hukum (al-Subki, 2003). Hakikatnya definisi-definisi yang dinyatakan adalah sama dan berbeza dari sudut penekanan sahaja. Menurut Mahmood Zuhdi (2004), dalam konteks semasa ijtihad merupakan suatu penelitian atau penyelidikan terhadap sesuatu hukum.

Manakala perkataan Mujtahid bermaksud orang yang berusaha untuk mendapatkan sesuatu kesimpulan baharu melalui kajian atau penyelidikan berdasarkan sumber dan kaedah yang sah dalam kaitannya dengan agama Islam (Kamus Dewan, 2019). Manakala dari sudut terminologi ia bermaksud golongan yang memiliki keupayaan untuk melakukan ijtihad iaitu mampu melaksanakan kajian terhadap hukum yang bersifat amali melalui dalil yang terperinci. Seseorang yang hanya mengetahui permasalahan fiqh melalui hafalan atau mengambil daripada kitab-kitab tanpa kajian, penyelidikan dan melakukan proses pengeluaran hukum bukanlah dianggap sebagai Mujtahid (Zaidān, t.t).

6.2 Syarat-syarat Mujtahid

Bagi menjadikan seseorang itu mujtahid dan mampu untuk mengeluarkan ijtihad dalam sesuatu hukum, para ulama telah menetapkan beberapa syarat. Menurut Abd al-Karim Zaidan (t.t), terdapat tujuh syarat untuk dianggap sebagai seorang mujtahid iaitu;

- i. Menguasai dan mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam bahasa Arab.
- ii. Menguasai dan mempunyai pengetahuan yang mendalam berkaitan al-Quran.
- iii. Menguasai dan mempunyai pengetahuan yang mendalam berkaitan al-Sunnah.
- iv. Menguasai dan mempunyai pengetahuan yang mendalam ilmu Usul al-Fiqh.
- v. Menguasai dan mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang isu-isu *Ijma'*.
- vi. Menguasai dan mempunyai pengetahuan yang mendalam berkaitan *Maqasid al-Syari'ah*.
- vii. Mempunyai persediaan fitrah untuk melakukan ijtihad.

Selain daripada syarat-syarat yang dinyatakan di atas, sebahagian ulama turut membahagikan syarat mujtahid kepada syarat-syarat umum seperti baligh, berakal, kefahaman yang sempurna dan beriman. Manakala syarat-syarat penting seperti menguasai bahasa Arab, menguasai Usul al-Fiqh, menguasai ilmu Mantik dan menguasai *al-Barā'ah al-Asliyyah*. Syarat-syarat asas pula seperti menguasai al-Quran, memahami al-Sunah, memahami *Maqasid al-Syari'ah* dan menguasai kaedah-kaedah dalam *syara'*. Dan yang terakhir adalah syarat-syarat yang melengkapkan seperti ketiadaan dalil yang *qat'iy* pada masa tersebut, menguasai isu utama dalam ikhtilaf dan zahirnya kebaikan serta ketakwaan mujtahid (Muhammad Musa, t.t).

7. Kesimpulan

Objektif utama penulisan ini adalah untuk menganalisis perkembangan aliran *al-Ra'yi* dan *al-Hadīth* dalam perkembangan mazhab dalam fiqh seterusnya melihat kewajaran wujudnya mazhab dan ijtihad fiqh yang baharu pada masa kini. Dirumuskan bahawa kemungkinan wujudnya mazhab baharu pada masa kini adalah tidak mustahil bergantung kepada prinsip dan hujah yang telah dikemukakan. Ia merangkumi sejarah, proses serta punca kelahiran mazhab terdahulu yang melibatkan perbezaan dalam penelitian terhadap sumber hukum, perbezaan dalam kaedah menerapkan sesuatu hukum dan perbezaan terhadap penelitian melibatkan kefahaman prinsip bahasa dalam sumber

hukum. Selain itu, isu-isu kontemporer yang wujud pada masa kini yang berbeza situasi dengan situasi terdahulu sememangnya memerlukan suatu bentuk ijtihad baharu daripada kelompok ulama mujtahid. Persoalan yang timbul dan mungkin menjadi topik utama dalam rumusan terhadap kewajaran wujudnya mazhab ahli sunnah yang baharu, adakah terdapat ulama mujtahid kontemporer pada masa yang mampu menandingi keilmuan dan ketokohan imam mazhab sebagaimana imam Abu Hanifah, imam Malik, imam al-Syafi'i, imam Ahmad dan lain-lain.

Rujukan

- Kamus Dewan. (2014). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ab Latif Muda. (2003). Perbahasan Sejarah Perundangan Islam dan Mazhab Fiqh. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Abu Zahrah, Muhammad. (1947). Ibn Hanbal: Hayātuhu wa 'Asruhu Ārā'uho wa Fiqhuhu. Kaherah: Dār al-Fikr al-'Arabiy.
- Abu Zahrah, Muhammad. (1978). Al-Syāfi'i: Hayātuhu wa 'Asrihi Ārā'uho al-Fiqhiyyah. Kaherah: Dār al-Fikr al-'Arabiy.
- Ahmad Amin. (2005). Duha al-Islam. Beirut: Dār al-Kitāb Al-'Arabī.
- Al-Āmidī, Abu al-Hasan. (1982). Al-Ihkām fī Usūl al-Ahkām. Beirut: Al-Maktab al-Islāmiy.
- Al-Asyqar, Umar bin Sulaiman. (1982). Tārīkh al-Fiqh al-Islāmiy. Kuwait: Maktabah al-Falah.
- Al-Baidhawi, Abdullah bin Umar. (2008). Minhāj al-Wusul ilā 'Ilm al-Usūl. Makkah: Dār Ibn Hazm.
- Al-Khawjah, Muhammad al-Habib. (1990). Al-Mazhab al-Shafi'iyy Bayn al-Mazahib al-Fiqhiyyah. Al-Imam al-Shafi'iyy : Zikra Murur 12 Qarnan 'ala Wafatihi (S. 351). Kuala Lumpur: Al-Munazzamah al-Islamiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Ulum wa al-Thaqafah & IIUM.
- Al-Subki, Abdul Wahab bin Ali. (2003). Jam'u al-Jawāmi' fī Usūl al-Fiqh. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Fahmi Rusli. (12. November 2019). Irsyad Usul al-Fiqh ke-39: Isu Tawaqquf Dalam Menjawab Persoalan Hukum. Von Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan: <https://www.muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-usul-fiqh/3781-irsyad-usul-al-fiqh-siri-ke-39-isu-tawaqquf-dalam-menjawab-persoalan-hukum>
- H. Amir Syarifudin,. (2014). Ushul Fiqh Jilid II. Jakarta: Prenada Media.
- Haji Hassan Mansor. (1968). Ikhtisar sejarah perundangan Islam. Pulau Pinang.: Haji Abdullah bin Muhammad Noordin Arrawi.
- Harun Nasution. (1985). Islam ditinjau dari berbagai aspeknya. Jakarta: Universitas Indonesia Press.
- Madkur, Muhammad Salam. (1996). Al-Madkhal li al-Fiqh al-Islāmiy Tārīkhuhu wa Masādiruhu wa Nazriyatuhu al-Āmmah. Kaherah: Dār al-Kitāb al-Hadīth.
- Mahmood Zuhdi, Abdul Majid. (2004). Sejarah Pembinaan Hukum Islam. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya.
- Mohd Hapiz Bin Mahaiyadin. (2017). Sumbangan Mazhab Fiqh Terhadap Perkembangan Hukum Islam Serta Salah Faham Mengenainya.
- Nasruddin Yusuf. (2016). Ahl Al-Hadis Dan Ahl Ra'y (Dinamika Hukum Islam Dari Masa Peralihan Sahabat ke Masa Para Imam Madzhab) . Jurnal Ilmiah Al-Syir'ah 5(2).
- N. Fathikhin, Setyaningsih, et.al (2021) Pola Pemikiran Ahlu Hadist dan Ahlu Ra'yu Dalam Pembentukan Hukum Islam Pada Masa Tabi'in.

Perkembangan Aliran *al-Ra'yi* dan *al-Hadīth* Serta Usaha
Pembentukan Mazhab Fiqh Kontemporer

- Saadat Man. (2007). Kedudukan Mazhab Syafi'i Dalam Perkembangan Ahlus Sunnah Di Negeri Perlis. Jurnal Fiqh: No. 4, 141-156
- Saadat Man & Inarah Ahmad Farid. (2012). Keterbukaan Bermazhab Dalam Realiti Di Malaysia: Keperluan Atau Kecelaruhan? Jurnal Syariah, Jil. 20, Bil. 3, 289-308
- Tawana, Sayyid Muhammad Musa . (t.t). *Al-Ijtihad wa Mada Hājatunā Ilaihi fī Hāza al-'Asr*. Mesir: Dār al-Kutub al-Hadīthah
- Teungku Muhammad Hasbi Shiddieqy. (1997). Pengantar Ilmu Fiqh. Semarang: Pustaka Rizki Putra.
- Zaidān, Abd al-Karim. (t.t). *Al-Wajīz fī Usūl al-Fiqh*. Baghdad: Muassasah Qurtubah.